

OTHERS MEDIA RELEASE PUNCAK NIAGA HOLDINGS BERHAD (416087-U) ("PNHB" OR "THE COMPANY") LATEST STATUS ON :- PROPOSED PNSB DISPOSAL AND PROPOSED SYABAS DISPOSAL BY PNHB TO PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD (COLLECTIVELY REFERRED TO AS "PROPOSED DISPOSALS")

Amended Announcements

Please refer to the earlier announcement reference number: GA1-11062015-00043

PUNCAK NIAGA HOLDINGS BERHAD

Type	Announcement
Subject	OTHERS
Description	MEDIA RELEASE PUNCAK NIAGA HOLDINGS BERHAD (416087-U) ("PNHB" OR "THE COMPANY") LATEST STATUS ON :- PROPOSED PNSB DISPOSAL AND PROPOSED SYABAS DISPOSAL BY PNHB TO PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD (COLLECTIVELY REFERRED TO AS "PROPOSED DISPOSALS")

Further to the general announcement released by Hong Leong Investment Bank Berhad, for and on behalf of the Company, on even date in relation to the Proposed Disposals, please find the Company's Media Release (in bilingual languages) in respect of the same for immediate release by the Exchange.

This announcement is dated 11 June 2015.

Please refer attachment below.

Attachments

Press Release - BM 11.06.2015.pdf
84.1 kB

Press Release - English 11.06.2015.pdf
204.3 kB

Announcement Info

Company Name	PUNCAK NIAGA HOLDINGS BERHAD
Stock Name	PUNCAK
Date Announced	11 Jun 2015
Category	General Announcement for PLC
Reference Number	GA1-11062015-00083



PUNCAK NIAGA HOLDINGS BERHAD

MEDIA RELEASE

**11 JUNE 2015
FOR IMMEDIATE RELEASE**

PUNCAK NIAGA HOLDINGS BERHAD (“PNHB” OR “COMPANY”)

LATEST STATUS ON :-

- (I) PROPOSED DISPOSAL BY PNHB OF THE ENTIRE EQUITY INTEREST AND CUMULATIVE CONVERTIBLE REDEEMABLE PREFERENCE SHARES HELD IN PUNCAK NIAGA (M) SDN BHD TO PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD (“PROPOSED PNSB DISPOSAL”)**

- (II) PROPOSED DISPOSAL BY PNHB OF 70% EQUITY INTEREST HELD IN SYARIKAT BEKALAN AIR SELANGOR SDN BHD AND RM212.0 MILLION NOMINAL VALUE OF REDEEMABLE CONVERTIBLE UNSECURED LOAN STOCKS TO PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD (“PROPOSED SYABAS DISPOSAL”)**

(COLLECTIVELY REFERRED TO AS “PROPOSED DISPOSALS”)

We refer to the conditional sale and purchase agreement dated 11 November 2014 signed between Puncak Niaga Holdings Berhad and Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (formerly known as Temasek Tiasa Sdn Bhd) (“Air Selangor”) (“SPA”) on the Proposed PNSB Disposal and Proposed SYABAS Disposal for a total cash consideration of RM1,555.3 million.

The above SPA was signed with the full support and consent of the Federal Government whereby it is the intention of the State Government of Selangor to consolidate / restructure the water industry in the State of Selangor and the Federal Territories of Kuala Lumpur and Putrajaya (“Selangor Water Industry”) and for the Selangor Water Industry to be managed by the State Government of Selangor (Consolidation / Restructuring of the Selangor Water Industry”) and for the Federal Government to expedite the construction of Langat 2 and the related trunk distribution system.

Under the terms and conditions of the SPA, all conditions precedent were supposed to have been fulfilled on 12 January 2015 ("Stop Date") whereby upon completion of the SPA, PNHB will hand over its water concession business in Selangor under PNSB as well as SYABAS to the State Government of Selangor and in return, the State Government of Selangor will pay RM1,555.3 million to PNHB.

This Stop Date has been extended for several times to enable the pending issues related to the water asset transfer between the State Government of Selangor and the Federal Government to be resolved. The latest Stop Date being the Fifth Extension of Time of the SPA fall due on 11 June 2015.

To date, we understand that Air Selangor is still not able to fulfill the conditions precedent in the SPA and there may be a further extension (sixth extension) of the Stop Date before the Proposed Disposals can be completed to facilitate the Consolidation / Restructuring of the Selangor Water Industry to be managed by the State Government of Selangor via its state-owned entity, Air Selangor.

The delay in the completion of the entire Consolidation / Restructuring of the Selangor Water Industry by the Federal Government and the State Government of Selangor has inadvertently resulted in severe repercussions and inconvenienced the consumers in Selangor and the Federal Territories of Kuala Lumpur and Putrajaya of their rights to treated water as the authorities have been using the phrase "**Wait for restructuring!**" repeatedly without any hesitation when PNSB and SYABAS initiate any programme that is able to improve the level of services for the consumers. This scenario has been ongoing since 2008 and has not seen the light of day till today.

The Management of both PNSB and SYABAS have reviewed the impact of the current situation on the consumers as follows :-

NO.	INITIATIVES, CURRENT STATUS AND IMPACT ON CONSUMERS
1.	<p>PROGRAMME TO INCREASE THE TREATED WATER CAPACITY The current reserve margin for treated water has been below 5% since 2008 and is now below 1%. This situation is critical because :-</p> <ul style="list-style-type: none"> • Langat 2 is not completed (has not even started). • Expansion of treatment plants and other programmes are implemented only in a small scale. • Several suggestions made by SYABAS have not been approved as the authorities prefer to wait for the completion of the restructuring.

NO.	INITIATIVES, CURRENT STATUS AND IMPACT ON CONSUMERS
	<p><u>CURRENT STATUS :</u> The treated water reserve margin as at June 2015 is below 1% and this decrease to negative during peak hours.</p> <p><u>IMPACT ON CONSUMERS :</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Until April 2015, several areas mainly in the district of Hulu Langat have been experiencing unscheduled water disruptions and low pressure. • THE SITUATION IS EXTREMELY CRITICAL.
2.	<p>OLD PIPE REPLACEMENT PROGRAMME It is within SYABAS programme to replace 6,423 km of old asbestos cement (AC) pipes in Selangor and the Federal Territories of Kuala Lumpur and Putrajaya.</p> <p><u>CURRENT STATUS :</u> The authorities have suspended SYABAS Capital Expenditure (CAPEX) and todate, only 1,020km of old AC pipes have been replaced. However, only a very small portion of pipe replacement programmes are allowed by the authorities based on the level of urgency.</p> <p><u>IMPACT ON CONSUMERS :</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Non-Revenue Water (NRW) cannot be reduced and may keep increasing (The NRW is currently sustaining at 32%). Thus, savings cannot be obtained from this avenue to support consumers during water disruptions or shortage. • Rampant occurrence of pipe burst and pipe leaks as the existing pipes are aged and weak leading to frequent interruptions. • Occurrence of water quality issues as the pipes are aged and not replaced. This may lead to health issues eventually. • Frequent pipe burst only lead to water loss and water disruptions. It may also cause road damage and traffic congestions when the burst pipe is repaired.

NO.	INITIATIVES, CURRENT STATUS AND IMPACT ON CONSUMERS
3.	<p data-bbox="363 376 1362 454">PROGRAMME TO IMPROVE SERVICES & UPGRADE FACILITIES STALLED</p> <p data-bbox="363 454 1362 607">SYABAS and PNSB had scheduled several upgrade of distribution network and treatment plant facilities accordingly alongside some mitigation efforts to increase the treated water supply to support certain critical areas that will experience water shortage.</p> <p data-bbox="363 651 657 685"><u>CURRENT STATUS :</u></p> <p data-bbox="363 685 1362 882">At present only 30% (RM685 million) of the total capacity of works have been implemented as the authorities have suspended SYABAS' CAPEX. Treatment plants operated by PNSB are running at an overload capacity to cater to the consumers' demand as there is not enough treatment capacity currently.</p> <p data-bbox="363 927 775 960"><u>IMPACT ON CONSUMERS :</u></p> <ul data-bbox="384 960 1362 1749" style="list-style-type: none"> <li data-bbox="384 960 1362 1039">• Consumers suffer from unscheduled water disruptions with a long recovery period. <li data-bbox="384 1039 1362 1117">• No alternative source of treated water as the reserve margin is currently below 5% and becomes 1% or less during peak hours. <li data-bbox="384 1117 1362 1240">• Areas locate far from the distribution network and those on high ground suffer the longest in terms of resuming water supply after a disruption. <li data-bbox="384 1240 1362 1397">• Possible treatment plant shutdown due to equipment failure or other technical problems as the plant is running at an overload capacity throughout the day; 365 days per year to support the demand. This will also cause unscheduled water disruptions. <li data-bbox="384 1397 1362 1554">• SYABAS' water tankers and static tanks are limited and not enough to meet the demand of every consumer. Thus, consumers will be subjected to a limited amount of relief water for daily essential activities only when receiving from tankers. <li data-bbox="384 1554 1362 1749">• Possible reoccurrence of water rationing in the future as several districts are facing water shortage already. Eight out of ten districts are hot spots for possible water shortage. They are Hulu Langat, Kuala Langat, Kuala Selangor, Sepang, Gombak, Klang/Shah Alam, Kuala Lumpur and Petaling.

NO.	INITIATIVES, CURRENT STATUS AND IMPACT ON CONSUMERS
4.	<p>NRW PROGRAMME STALLED Non-Revenue Water (NRW) cannot be reduced and may keep increasing (NRW is currently sustaining at 32%). When SYABAS took over from PUAS in 2005, the NRW level was 42.78%. SYABAS reduced it to 33% in 2008, just three years after the takeover via an intensive NRW programme.</p> <p><u>CURRENT STATUS :</u> This programme has been stalled since 2008 pending the restructuring. However, there is a limited programme approved under "Mitigasi 2" and an Integrated Physical Water Loss Reduction programme approved recently in September 2014 using limited internal funds from SYABAS. This is however insufficient to reduce the desirable level of water loss.</p> <p><u>IMPACT ON CONSUMERS :</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • NRW level will keep increasing and this will aggravate the current water shortage. It will basically make the situation even worse! • Savings can never be achieved to assist hot spots that are suffering from water shortage. • Water Treatment Plants will continue to operate under an overload capacity in order to meet the consumers' demand, increasing the risk of failures and shutdowns. • New developments continue to be on hold due to lack of treated water supply.
5.	<p>OPERATIONS AND STAFF MORALE BADLY AFFECTED The uncertainty and the non progress of several programmes and initiatives have badly affected the morale of employees of SYABAS and PNSB. Besides that, the employees are forced to work in an uncomfortable condition as their offices and transport facilities are compromised as the CAPEX is suspended and improvement works cannot be carried out.</p> <p><u>CURRENT STATUS :</u> Employees have to use very old vehicles with the inability to upgrade or change them; office environment which is deplorable and equipment that are outdated.</p>

NO.	INITIATIVES, CURRENT STATUS AND IMPACT ON CONSUMERS
	<p data-bbox="360 309 767 342"><u>IMPACT ON CONSUMERS :</u></p> <ul data-bbox="360 344 1358 658" style="list-style-type: none"> <li data-bbox="360 344 1358 421">• Employees may not be able to provide the best service with these limitations. <li data-bbox="360 423 1358 499">• Employees will not be able to assist consumers to the fullest as their morale is low and there are no solutions from the authorities. <li data-bbox="360 501 1358 577">• Employees may not know how to address certain problems as it is related to higher authorities. <li data-bbox="360 580 1358 656">• Service standards cannot be enhanced as a whole due to uncertainty and no action by the authorities.

We sincerely hope that there will be no further extension of time of the Stop Date of the SPA after the month of Ramadhan as the matter has prolonged for far too long and if the matter is still unresolved, PNHB will be left with no choice but to invoke its legal rights to rescind the SPA with Air Selangor and both PNSB and SYABAS will have to recommence their ongoing legal suits which had been put on hold pending completion of the Consolidation/Restructuring of Selangor Water Industry to recover the outstanding debts owed by the State Government of Selangor which had ballooned to RM4.97 billion as at 31 March 2015 due to tariff hike not being implemented as stipulated under the SYABAS Concession Agreement as both PNSB's and SYABAS's cash flows and operations had been severely constrained due to these high accumulated debts not paid over the years.

The prolonged uncertainty in the Consolidation/Restructuring of the Selangor Water Industry has affected the service level that the consumers deserve. We sincerely hope that both the Federal Government and the State Government of Selangor resolve whatever impending issues expeditiously in the interests of the consumers.

Amidst the uncertainty as to when the Consolidation / Restructuring of the Selangor Water Industry by the Federal Government and the State Government of Selangor can be concluded, PNHB will be seeking its Board of Directors' decision to consider a sixth extension of the Stop Date under the SPA.

**TAN SRI ROZALI ISMAIL
EXECUTIVE CHAIRMAN/MANAGING DIRECTOR
PUNCAK NIAGA HOLDINGS BERHAD**

- End -



PUNCAK NIAGA HOLDINGS BERHAD

KENYATAAN MEDIA

**11 JUN 2015
SIARAN SEGERA**

PUNCAK NIAGA HOLDINGS BERHAD (“PNHB” ATAU “SYARIKAT”)

PERKEMBANGAN TERKINI :-

- (I) CADANGAN PELUPUSAN SELURUH KEPENTINGAN EKUITI DAN SAHAM TERKUMPUL UTAMA BOLEH TEBUS BOLEH TUKAR DI DALAM PUNCAK NIAGA (M) SDN BHD (PNSB) KEPADA PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD OLEH PNHB (“CADANGAN PELUPUSAN PNSB”)**
- (II) CADANGAN PELUPUSAN 70% KEPENTINGAN EKUITI DI DALAM SYARIKAT BEKALAN AIR SELANGOR SDN BHD (SYABAS) DAN SAHAM PINJAMAN BERCAGAR BOLEH TEBUS BERNILAI NOMINAL RM212.0 JUTA KEPADA PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD (“CADANGAN PELUPUSAN SYABAS”)**

(SECARA BERSAMA DIRUJUK SEBAGAI “CADANGAN PELUPUSAN”)

Perjanjian Jual-Beli bersyarat bertarikh 11 November 2014 yang ditandatangani oleh Puncak Niaga Holdings Berhad dan Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (sebelum ini dikenali sebagai Temasek Tiasa Sdn Bhd) (“Air Selangor”) (“Perjanjian SPA”) di mana kedua-dua pihak telah bersetuju terhadap Cadangan Pelupusan PNSB dan Cadangan Pelupusan SYABAS dengan pertimbangan tunai sebanyak RM1,555.3 juta adalah dirujuk.

Untuk makluman, Perjanjian SPA yang telah ditandatangani ini telah mendapat sokongan penuh dan kelulusan oleh Kerajaan Persekutuan di mana Perjanjian SPA ini memberi laluan kepada hasrat Kerajaan Negeri Selangor untuk menyatukan/menstruktur semula industri air di Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya (“Industri Air Selangor”) dan sekaligus, Industri Air Selangor diurus sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri

Selangor ("Penyatuan/Penstrukturan Semula Industri Air Selangor") serta pembinaan Loji Rawatan Air Langat 2 ("LRA 2") dan sistem pengagihan bekalan air terawat dari LRA 2 ini segera disempurnakan oleh Kerajaan Persekutuan.

Dalam pada itu, di bawah terma dan syarat-syarat Perjanjian SPA ini, kesemua syarat-syarat duluan ("Conditions Precedent") perlu disempurnakan pada atau sebelum 12 Januari 2015 ("Tarikh Tamat")("Stop Date") bagi menyempurnakan Perjanjian SPA sekaligus membolehkan PNHB menyerahkan konsesi perniagaan air di Negeri Selangor di bawah PNSB yang dimilikinya dan juga SYABAS kepada Kerajaan Negeri Selangor dan sebagai balasan, Kerajaan Negeri Selangor akan membayar sebanyak RM1,555.3 juta kepada PNHB.

Tarikh Tamat ini telah dilanjutkan beberapa kali bagi membolehkan isu-isu yang belum selesai berkaitan pemindahan aset antara Kerajaan Negeri Selangor dan Kerajaan Persekutuan diselesaikan. Tarikh Tamat terkini yang dilanjutkan ke 11 Jun 2015 adalah Lanjutan Kelima.

Sehingga kini, kami difahamkan bahawa Air Selangor masih lagi tidak dapat memenuhi syarat-syarat duluan ("Conditions Precedent") di dalam Perjanjian SPA dan mungkin Tarikh Tamat akan dilanjutkan menjadikan ia Lanjutan Keenam sebelum Cadangan Pelupusan boleh disempurnakan untuk memudahkan Penyatuan/Penstrukturan Semula Industri Air di Selangor yang akan diuruskan oleh Kerajaan Negeri Selangor melalui entiti milik negeri berkenaan, iaitu Air Selangor.

Kelewatan dalam menyempurnakan Penyatuan/Penstrukturan Semula Industri Air di Selangor oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor telah secara tidak sengaja menggugat hak pengguna, menyebabkan kesan yang buruk dan menyusahkan pengguna di negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya apabila pihak berkuasa dengan tanpa ragu-ragu terus memberi alasan "Tunggu Sehingga Penstrukturan Semula" berulang-ulang kali apabila PNSB dan SYABAS cuba melakukan sesuatu program untuk memperbaiki tahap perkhidmatan kepada pengguna. Senario ini secara berterusan berlaku bermula tahun 2008 dan sehingga kini masih belum menampakkan hasil yang ia akan berakhir.

Pihak Pengurusan PNSB dan SYABAS telah meneliti implikasi situasi ini terhadap pengguna seperti berikut:-

NO.	INISIATIF, STATUS TERKINI DAN IMPLIKASI TERHADAP PENGGUNA
1.	<p>PROGRAM PENAMBAHAN BEKALAN AIR TERAWAT Rezab bekalan air terawat (bersih) dalam sistem di bawah 5% sejak dari tahun 2008 dan sekarang di bawah 1%. Keadaan adalah sangat kritikal kerana:-</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pembinaan Loji Rawatan Langat 2 belum siap (belum bermula). • Pembesaran loji rawatan air dan lain-lain program dilaksanakan pada skala kecil sahaja. • Banyak cadangan SYABAS tidak diluluskan kerana menunggu penstrukturan semula selesai. <p><u>STATUS TERKINI:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Rezab bekalan air pada bulan Jun 2015 adalah di bawah 1% dan menjadi negatif semasa permintaan puncak. <p><u>IMPAK KEPADA PENGGUNA</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Sehingga April 2015 sahaja, banyak kawasan terutama di Wilayah Hulu Langat mengalami gangguan bekalan (terputus bekalan dan tekanan rendah) • SITUASI BEKALAN AIR AMAT KRITIKAL

NO.	INISIATIF, STATUS TERKINI DAN IMPLIKASI TERHADAP PENGGUNA
2.	<p><u>PROGRAM PENGGANTIAN PAIP LAMA</u> SYABAS dipertanggungjawabkan untuk menukar paip air jenis simen asbestos (AC) yang telah usang sepanjang 6,423km di Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.</p> <p><u>STATUS TERKINI :</u> Pelaksanaan program tersusun dan terancang ini terjejas disebabkan Perbelanjaan Modal (CAPEX) SYABAS bagi program ini telah dibekukan oleh pihak-pihak berkuasa yang terlibat kecuali sebahagian kecil projek yang diluluskan oleh pihak berkuasa berdasarkan kerja kecemasan sahaja. Sehingga kini, hanya sepanjang 1,020km paip jenis AC yang telah berjaya ditukar.</p> <p><u>IMPAK KEPADA PENGGUNA:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Kadar Air Tanpa Hasil (Non-Revenue Water – NRW) tidak dapat dikurangkan ke tahap yang disasarkan di dalam Perjanjian Konsesi SYABAS kerana ianya hanya menurun ke tahap 32%. • Kejadian paip pecah dan bocor kerap berlaku akibat ketiadaan program penggantian paip-paip lama. Ianya boleh menyebabkan gangguan bekalan air dan kesesakan lalu lintas semasa kerja-kerja pembaikan paip pecah dijalankan. • Paip-paip yang usang dan mudah rosak boleh menjejaskan kualiti air terawat dan kesihatan. • Kekerapan kejadian paip pecah menyebabkan kehilangan air dan gangguan bekalan air. Ia juga menyebabkan jalan rosak dan kesesakan lalulintas akibat pembaikan perlu dilakukan.

NO.	INISIATIF, STATUS TERKINI DAN IMPLIKASI TERHADAP PENGGUNA
3.	<p data-bbox="339 275 1366 347"><u>PROGRAM MENINGKATKAN PERKHIDMATAN & NAIK TARAF KEMUDAHAN SISTEM BEKALAN AIR TERAWAT</u></p> <p data-bbox="339 349 1366 504">SYABAS dan PNSB telah menjadualkan beberapa pelan naik taraf rangkaian agihan dan kemudahan loji rawatan dan beberapa inisiatif tambahan bagi menambahkan bekalan air terawat di beberapa kawasan yang berhadapan dengan kekurangan bekalan air yang kritikal.</p> <p data-bbox="339 544 611 577"><u>STATUS TERKINI :</u></p> <p data-bbox="339 580 1366 808">Program dan inisiatif ini terjejas sejak CAPEX dibekukan oleh pihak-pihak berkuasa yang terlibat. Setakat ini, hanya 30% (RM685 juta) yang dapat dilaksanakan. Situasi ini menyebabkan loji-loji rawatan air yang dikendalikan oleh PNSB terpaksa beroperasi melebihi kapasiti rekabentuk untuk memenuhi permintaan pengguna kerana ketiadaan sumber air alternatif.</p> <p data-bbox="339 835 783 869"><u>IMPAK KEPADA PENGGUNA:</u></p> <ul data-bbox="339 882 1366 1841" style="list-style-type: none"> <li data-bbox="339 882 1366 958">• Kekekapan gangguan bekalan air tidak berjadual dalam jangka masa yang lama kerap berlaku. <li data-bbox="339 969 1366 1081">• Tiada sumber alternatif bekalan air terawat kerana rezab bekalan air terawat berada di bawah 5% dalam keadaan biasa, menurun ke paras sekitar 1% atau kurang daripadanya semasa permintaan puncak. <li data-bbox="339 1093 1366 1205">• Kawasan tinggi dan yang di penghujung rangkaian agihan mengambil masa paling lama untuk pulih selepas berlaku sesuatu gangguan bekalan air. <li data-bbox="339 1216 1366 1417">• Disebabkan beroperasi melebihi had yang ditetapkan (<i>overload</i>) untuk tempoh yang panjang, berterusan setiap hari dan 365 hari setahun bagi memenuhi permintaan pengguna, peralatan loji rawatan air mudah rosak. Ini juga akan menyebabkan gangguan bekalan air tidak berjadual. <li data-bbox="339 1429 1366 1653">• Bekalan air kecemasan menerusi lori tangki dan tangki air statik adalah terhad dan kekerapan penghantaran juga tidak dapat dilakukan mengikut kemahuan pengguna disebabkan kawasan yang terlibat adalah luas. Oleh itu, bekalan air kecemasan yang diterima oleh pengguna juga adalah terhad untuk kegunaan aktiviti harian mereka sahaja. <li data-bbox="339 1664 1366 1841">• Catuan air mungkin berulang di masa hadapan. Lapan daripada 10 wilayah telah menjadi <i>hot spot</i> dengan kekerapan gangguan bekalan air yang tinggi iaitu Wilayah Hulu Langat, Kuala Langat, Kuala Selangor, Sepang, Gombak, Klang/Shah Alam, Kuala Lumpur dan Petaling.

NO.	INISIATIF, STATUS TERKINI DAN IMPLIKASI TERHADAP PENGGUNA
4.	<p>PROGRAM MENGURANGKAN NRW TERHENTI</p> <p>Kadar NRW tidak boleh dikurangkan lagi dan akan terus bertambah disebabkan program yang disusun dan dirancang oleh SYABAS terhenti akibat pembekuan CAPEX oleh pihak-pihak yang berkuasa. Ketika SYABAS mengambil alih pengurusan dan operasi Perbadanan Urus Air Selangor Berhad (PUAS) pada tahun 2005, tahap NRW adalah pada 42.78%. SYABAS berjaya menurunkan kepada 33% pada tahun 2008 iaitu dalam tempoh tiga tahun selepas pengambil alihan berlaku melalui program intensif NRW.</p> <p><u>STATUS TERKINI</u></p> <p>Program yang disusun dan dirancang oleh SYABAS terhenti sejak tahun 2008 sementara menunggu penstrukturan semula. Namun, beberapa aktiviti terhad yang telah diluluskan di bawah "mitigasi 2" dan Program Pengurangan Kehilangan Air Fizikal yang diluluskan baru-baru ini pada September 2014 dengan menggunakan dana dalaman SYABAS yang terhad. Ini bagaimanapun tidak mencukupi untuk mengurangkan tahap kehilangan air yang disasarkan.</p> <p><u>IMPAK TERHADAP PENGGUNA</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Tahap NRW akan terus meningkat dan ini akan memburukkan lagi kekurangan bekalan air yang sedia ada. Ini akan memburukkan lagi keadaan! • Penjimatan air tidak dapat dicapai untuk membantu kawasan <i>hot spots</i> yang mengalami kekurangan bekalan air. • Loji Rawatan Air akan terus beroperasi melebihi kapasiti untuk memenuhi permintaan pengguna, lantas menambahkan risiko kerosakan dan pemberhentian operasi. • Pembangunan baharu tidak dapat diteruskan akibat kekurangan bekalan air terawat.

NO.	INISIATIF, STATUS TERKINI DAN IMPLIKASI TERHADAP PENGGUNA
5.	<p>OPERASI DAN KEYAKINAN KAKITANGAN TERJEAS Ketidaktentuan dan tiada kemajuan pada beberapa program dan inisiatif telah menjejaskan moral kakitangan SYABAS dan PNSB. Selain itu, kakitangan juga terpaksa bekerja di dalam keadaan yang tidak selesa kerana program menaiktaraf pejabat dan kemudahan operasi termasuk pengangkutan tidak dapat dilaksanakan akibat pembekuan CAPEX.</p> <p><u>STATUS TERKINI :</u> Kakitangan terpaksa menggunakan kenderaan lama yang tidak lagi ekonomik; suasana dan persekitaran kerja yang kurang selesa serta tidak berlandaskan teknologi dan keupayaan terkini.</p> <p><u>IMPAK TERHADAP PENGGUNA :</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Kakitangan tidak dapat memberikan tumpuan dan perkhidmatan terbaik dengan kekangan yang dihadapi. • Kakitangan tidak dapat membantu pengguna dengan sepenuhnya kerana semangat mereka adalah rendah dan tiada penyelesaian dari pihak berkuasa. • Kakitangan di dalam keadan tertekan apabila dihujani pelbagai soalan oleh pengguna yang jawapannya hanya dapat diberikan oleh pihak berkuasa yang lebih tinggi. • Kemerosotan piawaian perkhidmatan secara keseluruhan kerana timbulnya kekeliruan, hala tuju yang samar dan tiada tindakan penyudah oleh pihak berkuasa.

Kami berharap agar tiada lagi lanjutan pada Tarikh Tamat Perjanjian SPA selepas bulan Ramadan kerana perkara ini terus tertunda begitu lama dan jika ianya masih tidak diselesaikan, PNHB tidak mempunyai pilihan lain selain membatalkan Perjanjian SPA dengan Air Selangor berdasarkan hak yang diperuntukkan di bawah undang-undang dan kedua-dua PNSB dan SYABAS akan memulakan semula tindakan undang-undang untuk mendapatkan semula bayaran kepada hutang yang telah meningkat kepada RM4.97 bilion setakat 31 Mac 2015 daripada Kerajaan Negeri Selangor bagi kenaikan tarif seperti yang tertakluk di dalam Perjanjian Konsesi SYABAS tidak dilaksanakan, kerana aliran kewangan dan operasi PNSB dan SYABAS telah terjejas dengan teruk akibat hutang terkumpul yang tinggi yang tidak dibayar selama ini.

Tindakan undang-undang ini sebelum ini telah ditangguhkan sehingga Penyatuan/Penstrukturan Semula Industri Air di Selangor disempurnakan. Ketidaktentuan yang berpanjangan terhadap Penyatuan/Penstrukturan Semula Industri Air di Selangor menjejaskan tahap perkhidmatan air kepada pengguna. Kami berharap kedua-dua Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor dapat menyelesaikan isu-isu tertangguh dengan segera demi kepentingan pengguna.

Di sebalik ketidaktentuan bilakah Penyatuan/Penstrukturan Semula Industri Air di Selangor oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor, dapat disempurnakan, PNHB akan mendapatkan pertimbangan dan kelulusan daripada Ahli Lembaga Pengarah PNHB terhadap tempoh lanjutan keenam bagi Tarikh Tamat Perjanjian SPA tersebut.

**TAN SRI ROZALI ISMAIL
PENGERUSI EKSEKUTIF/PENGARAH URUSAN
PUNCAK NIAGA HOLDINGS BERHAD**

- Tamat -